

MM/AA78/BH/26.4.2024 1P:12(1-3)

Malaysia sasar negara utama sedia ekosistem syarikat pemula global

- Dengan berlabuhnya tirai KL20, Malaysia mengambil langkah berani dengan menyasarkan untuk berada dalam kalangan 20 negara utama ekosistem syarikat pemula global menjelang 2030, sekali gus membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab digital serantau

- Melalui pengumuman dasar proaktif dan inisiatif sokongan, persidangan KL20 menandakan perubahan penting menuju kepada penerimaan sektor inovatif dan memupuk pertumbuhan bakat berkemahiran tinggi

Oleh **Dr Ahmad Hakimi Tajuddin**
bhrencana@bh.com.my

Inovasi menjadi pendorong utama dalam mencipta peluang baharu untuk menghasilkan nilai sosioekonomi lebih tinggi bagi masyarakat dan negara. Dengan memanfaatkan teknologi terkini, syarikat pemula bertindak sebagai peneraju dalam pelbagai inovasi bertaraf dunia.

Syarikat berasaskan teknologi atau inovasi yang berada di peringkat awal dengan model perniagaan boleh diskalakan dan strategi pertumbuhan pantas adalah ciri-ciri syarikat pemula.

Syarikat pemula sering menjadi pementis produk dan menawarkan penyelesaian revolusi dalam membentuk semula industri dalam proses berkenaan.

Kebiasaannya, syarikat pemula akan diterajui pengasas dengan visi untuk menggoncang status quo dan mencipta model perniagaan boleh diskalakan yang dapat menyesuaikan diri dengan dinamik pasaran berubah, manakala modal diperoleh melalui pendanaan sendiri atau dengan sokongan pelabur budiman.

Kini, syarikat pemula diiktiraf sebagai ejen penjana ekonomi mampu membawa manfaat lebih meluas kepada masyarakat terutama dalam penawaran peluang pekerjaan.

Pada masa ini, kerajaan melalui pelbagai agensinya menawarkan bantuan kewangan secara langsung kepada usahawan tempatan termasuk Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), Pengurusan Modal Ventura Malaysia (MAVCAP), Kumpulan Model Perdana (KMP) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Sokongan kerajaan ini melaksanakan peranan penting dalam menyediakan usahawan dengan sumber kewangan diperlukan untuk memulakan dan membesarkan perniagaan mereka di samping

menyumbang kepada pertumbuhan serta kelestarian keseluruhan ekosistem usahawan.

Sidang Kemuncak KL20 2024 (KL20), baru-baru ini muncul sebagai tempat pertemuan idea, menghimpunkan pembuat keputusan kerajaan, syarikat unikorn yang mempunyai kadar pertumbuhan perniagaan tinggi dengan nilai keuntungan melebihi AS\$1 bilion (RM4.78 bilion), pemodal besar dan peneroka industri dari seluruh dunia.

Dengan berlabuhnya tirai KL20, Malaysia mengambil langkah berani dengan menasarkannya untuk berada dalam kalangan 20 negara utama ekosistem syarikat pemula global menjelang 2030, sekali gus membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab digital serantau.

Tangani cabaran penting

Acara dianjurkan Kementerian Ekonomi itu bertujuan menangani cabaran penting menghalang pertumbuhan syarikat pemula di negara ini sambil menetapkan landasan untuk memupuk ekosistem keusahawanan bertenaga.

Ekosistem kita masih belum mencapai tahap ketuhanan dan keterangkuman diinginkan walaupun masih mendahului di peringkat serantau. Melalui KL20 ini, Malaysia mengakui keperluan mengatasi halangan seperti aktiviti pendanaan, dasar dan peraturan serta pemerolehan bakat atau pekerja mahir dalam memastikan dapat bersaing dalam ekosistem syarikat pemula global.

Terbatasnya akses kepada pembiayaan dan pendanaan bagi syarikat pemula menjadi halangan utama untuk pertumbuhan syarikat pemula. Syarikat pemula sering menghadapi kesulitan mendapatkan pembiayaan mencukupi, terutama pada peringkat awal pembangunan.

Kekurangan akses ini boleh membatasi kemampuan syarikat pemula untuk memulakan perniagaan baharu atau inovasi sedia ada. Tanpa sumber kewangan mencukupi, syarikat pemula mungkin bergelut memperluaskan operasi.

Walaupun terdapat peningkatan aktiviti modal teroka di negara ini dalam beberapa tahun terkini, ketersediaan pembiayaan modal teroka

masih ketinggalan berbanding ekosistem syarikat pemula lebih mapan.

Syarikat pemula sering kali kekurangan sumber untuk melabur dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), yang sangat penting untuk memacu inovasi dan membangunkan produk atau penyediaan perkhidmatan kompetitif.

Dengan akses penggunaan teknologi dan infrastruktur terhad, ia mungkin menghalang kemampuan syarikat pemula untuk berinovasi dan kekal di hadapan.

Selain itu, syarikat pemula sering menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pelaburan diperlukan bagi memperluaskan operasi. Ditambah dengan sikap berhati-hati pelabur dan bank terhadap pelaburan dalam syarikat pemula disebabkan ketidakpastian dengan usaha dan inovasi baharu.

Begitu juga persekitaran peraturan kompleks juga mempengaruhi pertumbuhan syarikat pemula di negara ini. Syarikat pemula mungkin menghadapi halangan peraturan dan proses birokrasi melambatkan atau menghalang operasi perniagaan.

Kerumitan dasar dan peraturan terutama dalam industri dilindungi boleh menimbulkan cabaran bagi syarikat pemula, terutama yang mempunyai sumber terhad.

Justeru, ketiadaan dasar sokongan atau insentif disesuaikan dengan keperluan syarikat pemula mungkin menghalang pertumbuhan dan daya saing mereka. Kerangka peraturan jelas dan bersifat positif dapat mendorong persekitaran kondusif untuk pembangunan syarikat pemula.

Perkara seterusnya menghalang pertumbuhan syarikat pemula ialah pemerolehan bakat atau pekerja mahir. Syarikat pemula sering memerlukan kemahiran khusus seperti kepakaran teknikal, pemasaran dan pembangunan perniagaan terutama dalam industri sedang berkembang.

Ini ditambahkan dengan fenomena penghijrahan individu berkemahiran tinggi hingga negara kehilangan 500,000 pakar mahir dalam bidang tertentu sejak 40 tahun lalu.

Ia boleh mengakibatkan syarikat pemula kehilangan bakat dan kepakaran tempatan berharga. Media tempatan melaporkan Malaysia mengalami kadar penghijrahan individu berkemahiran tinggi sebanyak 5.5 peratus jauh melebihi purata global (3.3 peratus).

Ini mencetuskan senario memerlukan perhatian segera dan analisis menyeluruh. Dengan keadaan kadar upah rendah serta kekurangan bakat tempatan pastinya akan menjadikan sukar bagi syarikat pemula untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik mereka.

Secara ringkas, KL20 menekankan keazaman kerajaan untuk memupuk ekosistem syarikat pemula dinamik dan mampan. Melalui pengumuman dasar proaktif dan inisiatif sokongan, persidangan berkenaan menandakan perubahan penting menuju kepada penerimaan sektor inovatif dan memupuk pertumbuhan bakat berkemahiran tinggi.

Usaha bersungguh-sungguh ini mencerminkan pendekatan Malaysia progresif terhadap pembangunan ekonomi dan menegaskan kesiapan negara untuk menghadapi cabaran dan peluang pada masa hadapan.



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Ekonomi, Kewangan
dan Perbankan,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)